

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

HKN 202 – Kajian Teks Melayu Klasik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan watak Sultan Mahmud Shah dan watak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dalam **Sulalatus Salatin** dari segi hakikat diri manusia dan sejauhmanakah mereka memainkan peranan dalam keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka?
2. Fitnah dan keris merupakan dua motif penting yang membolehkan cerita dalam **Hikayat Hang Tuah** berkembang. Bincangkan.
3. Bincangkan sejauhmanakah watak Seri Rama dalam **Hikayat Seri Rama** boleh diterima sebagai wira epik dan bandingkan watak itu dengan watak Seri Rama dalam cerita “Maharaja Wana” yang dipersembahkan dalam wayang kulit?
4. Mitos kedatangan Islam ke sesebuah negeri dalam karya sastera bercorak sejarah bertujuan memperlihatkan kebesaran raja. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan teks-teks **Sulalatus Salatin** dan **Hikayat Merong Mahawangsa**.
5. Bincangkan sejauhmanakah **Hikayat Panji Semirang** boleh diterima sebagai cerita panji dan jelaskan peranan watak-watak yang tidak memperlihatkan nilai kemanusiaan dalam teks tersebut?

6. Kesetiaan kepada raja/pemimpin adalah penting untuk kekuatan sesebuah organisasi. Kemukakan pandangan anda secara kritis berhubung pernyataan ini berdasarkan teks **Hikayat Hang Tuah** dan teks **Hikayat Seri Rama**.
7. Pilih tiga watak wanita yang penting dari tiga buah teks sastera Melayu klasik yang berlainan genre dan bincangkan peranan mereka dalam menggerakkan cerita atau menjadikan episodnya begitu berkesan.

- ooo 0 ooo -